

KENYATAAN AKHBAR

PATUHI STANDARD BAHAN BINAAN ATAU BERDEPAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG

Kuala Lumpur, 21 Jun: Bagi menjamin kualiti binaan dan keselamatan pengguna, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) menggesa agar semua pihak menggunakan bahan binaan yang mematuhi standard yang diluluskan.

Ketua Eksekutif CIDB, Dato Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid berkata, mengikut Akta 520 sesiapa yang berurusan dengan bahan binaan yang disenaraikan dalam Jadual Keempat tanpa Perakuan Pematuhan Standard (PPS) daripada CIDB boleh didenda tidak kurang daripada RM10,000 tetapi tidak melebihi RM500,000.

"Semua pihak termasuk kontraktor, pemilik projek, pengedar dan pengilang bahan binaan digesa untuk memastikan bahan-bahan binaan yang digunakan dalam pembinaan mempunyai PPS yang sah," katanya.

Jelasnya, kegagalan mereka mematuhi standard berkenaan akan menyebabkan mereka berdepan dengan tindakan undang-undang.

Berikut adalah kategori bahan binaan yang dikuatkuasakan di bawah Jadual Keempat, Subseksyen 33c (1), Akta 520.

1. Peralatan kebersihan termasuk sinki dan tandas seramik
2. Jubin seramik
3. Paip seramik
4. Simen
5. Sistem kekuda bumbung kayu siap
6. Cerucuk konkrit pra-tuang
7. Bahan penebatan

8. Kaca
9. Kepingan rata simen gentian yang tidak mengandungi asbestos
10. Sawar sinaran (kerajang penebantan terma)
11. Produk besi dan keluli
12. Aluminium
13. Konkrit siap campur

Awal tahun ini, CIDB telah mengenakan kompaun berjumlah RM100,000 ke atas sebuah syarikat pemilik projek di Kuantan, Pahang kerana menggunakan cerucuk konkrit pra-tuang yang tidak mempunyai Perakuan Pematuhan Standard (PPS).

Setakat ini sebanyak 185 syarikat yang telah mendapatkan PPS daripada CIDB.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat terperinci berkaitan bahan binaan yang mematuhi standard bahan binaan bolehlah membuat carian di portal CIDB www.cidb.gov.my.

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

<i>Abdul Rakis Santa</i>	rakis@cidb.gov.my	03-40477018 / 012-6200360
<i>Noryani Ismail</i>	noryani@cidb.gov.my	03-40477027 / 019-2856867